

1 November 2009 (Ahad)

Penubuhan jawatankuasa siasat penyelewengan

IPOH 1 Nov. - Penubuhan jawatankuasa petugas untuk menyiasat unsur penyelewengan dan rasuah bukan bertujuan menghukum sesiapa, kata Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir. Beliau berkata, penubuhan jawatankuasa itu merupakan usaha kerajaan untuk memastikan sistem penyampaian berkesan pada masa depan. Menurutnya, kerajaan negeri mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa itu kerana ia merupakan penanda aras kepada mana-mana jabatan kerajaan supaya tidak berlakunya ketirisan. "Jangan pula ada pihak-pihak yang memanipulasikan Laporan Audit Negara kerana laporan itu harus dilihat secara positif dalam usaha untuk mengemas kini sistem penyampaian.

"Saya tidak anggap Laporan Audit Negara itu tidak baik kepada kerajaan, tetapi untuk memperbaiki sistem penyampaian kita yang berkesan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Sijil Perakuan Layak Menduduki (CF) kepada 73 pembeli rumah di Taman Klebang Putra dekat sini semalam. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Kabinet semalam supaya satu jawatankuasa petugas ditubuhkan untuk menyiasat unsur penyelewengan dan rasuah yang didedahkan dalam Laporan Audit Negara 2008.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan. Ia dianggotai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan awam (JPA), Ketua Audit Negara, Peguam Negeri dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada masa yang sama, Zambry berkata, rakyat boleh mengemukakan aduan kepada pihaknya dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian di negeri ini. "Saya telah mengarahkan setiap rungutan rakyat di negeri ini dapat dijawab dalam tempoh 14 hari," katanya.

3 November 2009 (Selasa)

Percepat pengambilan tanah



Najib Tun Razak mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri kali ke-107 di Putrajaya, semalam yang turut dihadiri timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan (kanan). - BERNAMA

PUTRAJAYA 3 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu kerajaan-kerajaan negeri menyegerakan proses pengambilan tanah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek Persekutuan. Perkara itu dibangkitkan beliau dalam pertemuan dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini. Majlis itu diadakan sempena Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang akan bermula esok. Mengulas perkara itu, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, proses pengambilan tanah yang dipercepatkan akan membolehkan sesuatu projek digerakkan secara lancar dan berkesan. "Di Melaka sendiri, proses pengambilan tanah dibuat dalam tempoh sehari sahaja. "Selain soal pengambilan tanah, Perdana Menteri pada pertemuan itu juga menekankan kepentingan sesuatu projek disiapkan mengikut jadual selaras dengan piawaian yang ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Ali Rustam berkata, isu kepantasan perkhidmatan jalur lebar turut dibangkitkan oleh Perdana Menteri yang menurutnya masih perlahan dan perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. "Dengan kelajuan jalur lebar yang boleh diakses di seluruh negara, ia secara langsung menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. "Perdana Menteri mahu negara meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak dua peratus tahun depan dan akan mencari kaedah untuk menambah dua peratus lagi," katanya.

Ketika membentangkan Bajet 2010 baru-baru ini, Najib mengumumkan peruntukan RM11.3 bilion daripada kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di negara ini. Sebahagian daripada peruntukan tersebut iaitu RM2.4 bilion adalah daripada pihak kerajaan manakala RM8.9 bilion lagi daripada Telekom Malaysia Bhd. (TM). Perdana Menteri pada 4 Ogos lalu mahu sasaran penembusan HSBB sebanyak 50 peratus daripada isi rumah negara menjelang akhir tahun hadapan dicapai sepenuhnya. Ketika ini, penembusan HSBB negara hanya ditahap 26 peratus. HSBB dijangka meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 0.6 peratus dan mewujudkan 100,000 pekerjaan menjelang 2017.

3 November 2009 (Selasa)

Siasat runtuhan di Bukit Kanching



Shaziman Abu Mansor mendengar penerangan tentang tanah runtuh di Bukit Kanching, Jalan Selayang, Rawang, semalam

RAWANG 3 Nov. - Kerajaan mengarahkan siasatan segera dijalankan berhubung kejadian cerun runtuh di Bukit Kanching, Kilometer 17 di Jalan Selayang di sini awal pagi ini yang menyebabkan lebih 80,000 pengguna lalu lintas terkandas apabila laluan ditutup. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, selain membuat kajian terperinci berhubung punca kejadian, satu laporan lengkap oleh pihak berwajib termasuk kementerianannya dan Majlis Bandaraya Selayang perlu dibentangkan. Beliau pada masa yang sama turut meminta kerja-kerja pembinaan kawasan perumahan berhampiran tempat kejadian dihentikan sementara menunggu laporan disiapkan bagi mengelak kejadian itu berulang. Shaziman meninjau lokasi cerun runtuh itu kira-kira pukul 9.45 pagi selama setengah jam. "Kerja-kerja pembersihan sedang giat dijalankan dan jalan akan ditutup sehingga 7 pagi esok. "Bagaimanapun ia akan dibuka semula selepas mendapat kebenaran daripada JKR dan tidak berlaku kejadian susulan dan hujan," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian.

Runtuhan dengan ketinggian kira-kira 100 meter itu berlaku kira-kira pukul 2.45 pagi, mengakibatkan jalan Persekutuan dari arah Kuala Lumpur ke Rawang ditutup sementara untuk lalu lintas sejak pukul 6.30 pagi. Bagaimanapun, Jalan Rawang ke Kuala Lumpur yang ditutup itu dibuka semula kepada kenderaan ringan mulai pukul 11 pagi tadi dengan melalui Jalan Selayang Heights. Laluan itu hanya dibuka sehalu, manakala jalan dari Kuala Lumpur ke Rawang masih ditutup untuk semua kenderaan. Dalam pada itu, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim memberitahu, JKR, Majlis Perbandaran Selayang dan Gombak serta Ikram Structure Assessment Sdn. Bhd. akan membentangkan laporan berhubung punca kejadian itu dalam mesyuarat Khamis ini. "Siasatan awal mendapati tanah projek perumahan yang berdekatan cerun runtuh itu milik PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) dan sebuah projek perumahan syarikat Wirama yang masih dalam pembinaan. "Kita akan minta penjelasan daripada kedua-dua syarikat terbabit," katanya yang turut meninjau lokasi kejadian pada pukul 2 petang ini.

Khalid turut menasihatkan penduduk yang tinggal di lereng bukit agar berhati-hati dan berwaspada sekiranya hujan kerana bimbang kejadian sama akan berulang. Sementara itu, Penguasa Bomba dan Penyelamat Bukit Jelutong, Ramli Yusuf memberitahu, operasi mencari dan menyelamatkan yang disertai sepasukan polis serta enam ekor anjing unit K9 dilancarkan sejak pukul 3 pagi. "Pihak kami mengesahkan tiada mangsa dan kenderaan yang tertimbus. Bagaimanapun operasi masih dijalankan sehingga kerja-kerja pembersihan selesai," katanya.

3 November 2009 (Selasa)

Pencuri pasir tidak serik



SUNGAI Balak berdekatan Taman Cheras Utama, Cheras berlopak akibat kegiatan mencuri pasir. – UTUSAN/Mohd. Nazudeen Mahmud

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Pencuri pasir datang lagi. Tempat tumpuan mereka, pasir Sungai Balak di kawasan Taman Cheras Utama. Mereka kembali mengganas selepas pertama kali berbuat demikian awal tahun ini. Kawasan sungai yang letaknya di belakang kawasan perumahan lapan blok itu kini diancam hakisan. Risiko itu kini ditanggung penghuni kira-kira 724 unit yang mendiami kawasan berhampiran Sungai Balak. Tidak mustahil satu hari nanti, tanah pasir yang dikorek boleh mengancam struktur blok berhampiran. Lebih dahsyat jika diandaikan satu hari nanti ada blok yang tumbang akibat kelemahan struktur tanah angkara pencuri pasir itu.

Terkejut juga apabila dibawa melihat sungai yang mengalir kurang 200 meter dari kawasan blok perumahan itu semakin hari semakin terhakis akibat perbuatan pihak tidak bertanggungjawab. Kes curi pasir yang sebenarnya pernah berlaku awal tahun ini dan telah dilaporkan oleh Utusan Malaysia berulang kembali tanpa penduduk di sana mengetahui puncanya. Bagai tidak serik, pencuri pasir yang melihat kawasan itu sebagai 'lubuk emas' akan datang bersama jentera pengorek pasir dan lori hantu yang sudah menunggu di sana pada waktu yang dirasakan sesuai. Biasanya waktu pagi akan digunakan sepenuhnya dengan mengandaikan kebanyakan penghuni blok kediaman bekerja sekali gus memudahkan kerja mereka mencuri pasir.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati beberapa lopak pasir di sungai itu menunjukkan tanda baru dikorek kurang daripada 24 jam. Persoalannya, mengapa ia terjadi semula walaupun penguatkuasaan pernah diadakan pada awal tahun. Adakah pihak berkuasa yang menjalankan pemantauan 'hangat-hangat tahi ayam' dan melupakan tanggungjawab itu selepas tempoh masa tertentu. Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Kos Rendah Taman Cheras Utama, Rahim Selamat menjelaskan, masalah itu benar-benar mengganggu keamanan penduduk berhampiran.

Tegasnya, perasaan trauma yang disuarakan kebanyakan suri rumah di kawasan itu pada waktu pagi terhadap pengorek pasir haram ini benar-benar membimbangkan. "Dalam seminggu ini kami lihat beberapa lori mengangkut pasir daripada sungai ini keluar. "Kami tidak tahu pula ke mana hendak dibawa pasir itu tetapi yakin ia didalangi sindiket pencuri pasir seperti yang berlaku awal tahun ini." Tambahnya, kerisauan itu bertambah apabila melihat hakisan tanah yang menghampiri kawasan blok di sana. "Lama-lama makin dekat dengan blok perumahan dan kami takut perkara lebih buruk terjadi. "Kami mahu pihak berkenaan turun dan melihat sendiri situasi yang berlaku. Kalau tidak ada tindakan segera, kami yakin mereka ini akan lebih mengganas," ujarinya.

Difahamkan, beberapa kawasan pasir berhampiran sudah habis 'ditarah' pencuri pasir dan situasi itu menyebabkan air sungai menjadi keruh. Oleh itu, kata Rahim, penduduk di perumahan itu juga sudah dimaklumkan tentang masalah itu selain meminta semua pihak melaporkan segera kepada pihak berkuasa jika ternampak aktiviti mencuri pasir berlaku. "Kami meminta semua penduduk bekerjasama walaupun sedar tidak dapat memantau kawasan sungai ini setiap masa. "Sekurang-kurangnya ada yang boleh memerhati. Kami juga akan mencari syarikat yang bertanggungjawab melakukan perkara ini," jelasnya.

Sementara itu, setiausaha persatuan penduduk, Irwan Yusof, berkata, isu pasir yang pernah timbul pada awal tahun ini seolah tidak berpenghujung. Jelasnya, pencuri pasir seolah-olah tidak serik dan menunggu masa sesuai untuk meneruskan aktiviti mereka. "Mereka (pencuri pasir) lupa kami sentiasa memerhatikan namun memerlukan bantuan pihak berkuasa untuk operasi penguatkuasaan. "Kami takut kalau-kalau mereka didalangi mana-mana kumpulan yang boleh mengganggu keamanan penduduk di sini jika operasi mereka dilapor," ujarinya.

Dalam pada itu, penduduk, Shamsul Ismail menegaskan, kawasan itu menjadi idaman pencuri pasir kerana lokasinya yang berdekatan dengan ibu kota. Katanya, lori-lori yang mengangkut pasir berkemungkinan besar beroperasi dari sebuah pejabat berhampiran dan didalangi pihak tertentu. "Kami mahu pihak berkuasa campur tangan dalam isu ini. Kami tidak ada kuasa untuk menangkap tetapi tidak mahu pencuri pasir datang lagi dan mencuri pasir sungai ini dengan sesuka hati," katanya.

3 November 2009 (Selasa)

Parlimen - Defisit PTPTN RM48 bilion 2020

KUALA LUMPUR 3 Nov. – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dijangka menanggung defisit berjumlah RM48 bilion pada 2020 sekiranya peminjam masih berdegil untuk membuat pembayaran balik pinjaman. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dr. Hou Kok Chung berkata, kerajaan bimbang masalah tersebut akan menyebabkan bakal peminjam mengalami kesukaran untuk membuat pinjaman pada masa akan datang. Sehubungan itu kata beliau, kementerian amat berharap para peminjam lebih bertanggungjawab untuk membayar balik pinjaman masing-masing bagi membantu pelajar baru. “Kerajaan memang prihatin tetapi kita tidak sewenang-wenangnya memberikan pinjaman itu dijadikan seperti biasiswa. “ Kita harus ingat bahawa PTPTN merupakan tabung pinjaman untuk pelajar sahaja,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Ibrahim Ali (Bebas- Pasir Mas) pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Ibrahim dalam soalnya menyatakan jumlah hutang PTPTN yang tertunggak kini tidak menjadi masalah besar kepada kerajaan berikutan kerajaan mempunyai pendapatan lain, justeru beliau mencadangkan supaya jumlah tunggakan itu dihapuskan. Terdahulu, Kok Chung menjawab soalan lisan Tengku Razaleigh Hamzah (BN-Gua Musang) yang ingin tahu jumlah sebenar tunggakan PTPTN dan apakah perancangan kerajaan dalam membantu siswazah yang tidak berpeluang menerima pinjaman bagi meneruskan pengajian. Beliau berkata, sehingga 30 September 2009, jumlah yang sepatutnya dibayar balik oleh peminjam kepada tabung ialah RM3.235 bilion melibatkan kira-kira 780,000 pinjaman yang telah diluluskan. Menurutnya, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM346 juta yang dibuat oleh peminjam telah diberi penangguhan bayaran balik manakala sejumlah RM1.535 bilion masih belum dibayar balik. “Golongan yang enggan dan belum membayar balik ini terdiri daripada mereka yang langsung tidak memberi maklum balas kepada pihak PTPTN,” ujar beliau.

4 November 2009 (Rabu)

Tanah PKFZ: Laporan PAC kesan perbezaan pandangan

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Urusan perolehan tanah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) berlarutan beberapa tahun kerana perbezaan pandangan khususnya antara Kementerian Kewangan dan Peguam Negara dengan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB). Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) terhadap projek itu memberitahu, Kementerian Kewangan dan Peguam Negara berpandangan tanah itu sepatutnya diperoleh secara pengambilan balik di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960).

Bagaimanapun, jelas laporan itu, pihak LPK dan KDSB ingin tanah itu diperoleh secara pembelian. Menurut laporan berkenaan, terdapat juga perbezaan pandangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor berhubung kaedah pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah. "Kerajaan Persekutuan berpandangan Kementerian Pengangkutan patut memohon mengambilalih tanah tersebut di bawah Seksyen 3 (1) (a) APT 1960 dengan tujuan awam dan didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan serta dipajak kepada LPK untuk tujuan pembangunan.

"Kerajaan Negeri Selangor pula berpandangan tanah itu sepatutnya diambilalih di bawah Seksyen 3 (1) (b) APT 1960 dengan alasan projek itu bukan projek kegunaan awam secara langsung," demikian menurut laporan berkenaan. Laporan itu menjelaskan, semakan Jabatan Audit Negara mendapati dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Oktober 2002, Kementerian Kewangan membentangkan memorandum mencadangkan supaya tanah itu diperoleh secara pengambilan balik di bawah APT 1960 dan tidak dibeli.

Menurutnya, hal itu kerana tanah tersebut mengandungi lapan gadaian dan lima kaveat persendirian yang mana sekiranya dipindah milik ia akan menjadi bebanan kepada kerajaan. "Ia berikutan segala kepentingan terhadap gadaian dan cagaran di atas tanah tersebut akan beralih dan risiko terhadapnya akan ditanggung oleh kerajaan," katanya.

Jelas laporan itu, KDSB juga menjual lima bahagian daripada tanah tersebut dengan kelulusan 100 hektar. Oleh itu, KDSB tidak boleh menjual tanah tersebut sebagai satu lot besar. Menurut laporan berkenaan, Jemaah Menteri pada mesyuarat sama bersetuju supaya:

- n Pengambilan balik tanah dilakukan di bawah Seksyen 3 (1) (a) APT 1960.

- n Nilai harga tanah berdasarkan kepada penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sebanyak RM10.16 sekaki persegi.

- n KDSB boleh diberi peluang menambak dan membina infrastruktur asas secara rekaan dan pembinaan dan harganya perlu dirundingkan serta diluluskan Kementerian Kewangan sekiranya melebihi RM100 juta.

4 November 2009 (Rabu)

Lantikan KDSB tidak dimaklumkan kepada kerajaan

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mencadangkan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dikenakan tindakan undang-undang. Jawatankuasa itu dalam laporannya berkata, ia berikutan kegagalan mereka memohon kelulusan daripada kerajaan berhubung pelantikan Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) sebagai pemaju untuk projek tersebut. Menurutnya lagi, pelantikan KDSB sebagai pemaju untuk projek PKFZ secara keseluruhannya juga tidak dimaklumkan kepada kerajaan terlebih dahulu.

Laporan tersebut berkata, pada Jun 2001, Kementerian Kewangan menetapkan kontrak kerja pembangunan dibuat secara tender terbuka dan kos pembangunan projek PKFZ dibiayai melalui terbitan bon jangka panjang dengan jaminan kerajaan. Bagaimanapun, katanya, KDSB dilantik sebagai kontraktor oleh LPK bagi projek tersebut secara rundingan terus. "Perjanjian jual dan beli tanah yang ditandatangani antara LPK dan KDSB pada November 2002 juga mensyaratkan KDSB dilantik walaupun ketelusan Kementerian Kewangan tidak diperolehi untuk dikecualikan daripada proses tender," kata laporan itu.

Laporan itu menjelaskan, LPK tertakluk kepada peraturan perolehan kerajaan, arahan perbendaharaan, dan pekeliling perbendaharaan bagi pelantikan kontraktor dan perunding. Jelasnya, pelantikan KDSB sebagai pemaju oleh LPK tidak dibuat secara teratur kerana Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Pengurus Besar LPK gagal mematuhi arahan Kementerian Kewangan berhubung pelantikan kontraktor bagi projek PKFZ. "Ketelusan daripada Kementerian Kewangan adalah perlu bagi membolehkan tapisan dibuat (due diligence) untuk menentukan tahap keupayaan kewangan dan kepakaran KDSB melaksanakan projek melibatkan perbelanjaan yang besar itu," katanya.

4 November 2009 (Rabu)

SPRM, Polis jamin siasat isu PKFZ

KUALA LUMPUR 4 Nov. – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan menjalankan siasatan dari semua sudut berhubung kes penyelewengan dan rasuah yang berlaku dalam projek pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Timbalan Pesuruhjaya SPRM, Datuk Abu Kassim Mohamed berkata, pihaknya tidak akan lepas tangan dalam menyiasat mana-mana kes yang dikaitkan dengan rasuah atau salah guna kuasa. Malah, katanya, siasatan yang dijalankan itu akan dibuat secara teliti dan telus. Namun, tegas beliau, pihaknya tidak akan mendedahkan kepada umum identiti individu yang akan disiasat kerana ia boleh mengganggu siasatan kes.

“Berikutan cadangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang mengesyorkan SPRM menyiasat bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy dan bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang, Datin Paduka O.C.Phang, saya tidak boleh ulas. “Tetapi, apa yang penting, SPRM akan menjalankan siasatan ke atas mana-mana individu yang dipercayai terbabit dalam rasuah atau penyalahgunaan kuasa dalam kes PKFZ,” katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

PAC hari ini mengedarkan laporan jawatankuasa itu mengenai skandal projek mega yang menimbulkan kontroversi apabila mencatatkan kenaikan kos projek yang tinggi iaitu daripada RM1.957 bilion kepada RM4.947 bilion setakat ini. Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar ketika dihubungi memberitahu, pihaknya akan turut menjalankan siasatan ke atas kes PKFZ itu.

4 November 2009 (Rabu)

Projek PKFZ bernilai RM2.246 bilion tidak dapat kelulusan

KUALA LUMPUR 4 Nov. – Pembangunan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) melibatkan empat perjanjian kontrak bernilai RM2.246 bilion tidak mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kementerian Kewangan terlebih dahulu. Perjanjian itu ditandatangani Pengurus Besar LPK dan Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) antara tahun 2003 hingga 2006. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) itu menyebut, ia melibatkan perjanjian pembangunan (RM100 juta), perjanjian tambahan (RM1 bilion), perjanjian tambahan-kerja pembangunan tambahan (RM510.38 juta) dan perjanjian tambahan kerja-kerja pembangunan tambahan baru (RM335.80 juta).

Antara lain, katanya, perjanjian itu menetapkan projek itu dilaksanakan secara turnkey, reka dan bina di mana KDSB dilantik sebagai pemaju dan bertanggungjawab membangunkan infrastruktur, bangunan dan prasarana lain. “Perjanjian pembangunan yang ditandatangani mempunyai beberapa kelemahan dan tidak mematuhi peraturan kewangan yang boleh mengakibatkan kepentingan LPK terjejas dan menyebabkan LPK mengalami kerugian,” kata laporan itu.

Menurut laporan itu, antara kelemahan yang dikesan adalah seperti berikut:

*Kerja-kerja yang perlu dilaksanakan tidak disenaraikan dengan terperinci dan ia menyukarkan pihak pengurusan LPK memastikan sama ada kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi yang diperlukan; *Kos projek yang dinyatakan dalam perjanjian pembangunan merupakan kos anggaran sahaja. Ketiadaan harga tetap menyukarkan pihak LPK untuk memastikan kos sebenar projek yang perlu dibayarnya balik;

*Tiada pelan pelaksanaan bagi menyatakan tarikh-tarikh dan tempoh untuk menyiapkan sesuatu komponen kerja;

*Tidak ada syarat yang mengkehendaki KDSB mengumumkan bon pelaksanaan seperti yang dikehendaki arahan Perbendaharaan 200.2 (a) bagi menjamin kepentingan LPK jika projek tersebut tidak dilaksanakan dengan sempurna;

Sehubungan itu, tegas laporan itu, pihak LPK sepatutnya meneliti semua dokumen perjanjian dengan mendapatkan khidmat nasihat pegawai undang-undangnya dan Jabatan Peguam Negara bagi memastikan syarat-syarat di dalam perjanjian tersebut menjamin kepentingan LPK dan kerajaan. Jelasnya, tindakan Pengurus Besar LPK menandatangani perjanjian bernilai RM2.246 bilion itu menyalahi peraturan kewangan kerajaan.

4 November 2009 (Rabu)

Beri perhatian serius cadangan PAC



Najib Tun Razak menunjukkan buku Laporan Tahunan 2008 Perusahaan Kecil dan Sederhana di Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut sama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed dan timbalannya, Datuk Jacob Dangau Sagan. – BERNAMA.

KUALA LUMPUR 4 Nov. – Setiap cadangan Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) berhubung isu penyelewengan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) akan diberi perhatian serius. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika memberi jaminan itu berkata, Kabinet menetapkan jawatankuasa petugas diketuai Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan mengkaji segala perkembangan dalam isu itu. “Pagi tadi KSN mempengerusikan mesyuarat mengenai PKFZ dan input daripada PAC itu akan diberi perhatian serius. “Kita tidak akan menutup kelemahan dan kesalahan sebaliknya menangani sewajarnya termasuk menggunakan peruntukan undang-undang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku Laporan Tahunan 2008 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bangunan Parlimen hari ini. PAC hari ini mengemukakan laporan lengkap mengenai isu PKFZ di sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

PKFZ, sebuah hab pemindahan ke kapal yang dibina di tapak seluas 405 hektar di Pelabuhan Klang, diselubungi kontroversi ekoran pendedahan bahawa kos pembangunannya melonjak daripada RM2.5 bilion kepada RM4.6 bilion. Lembaga Pelabuhan Klang membeli 400 hektar tanah PKFZ di Pulau Indah daripada Kuala Dimensi Sdn. Bhd. dengan kos RM25 bagi setiap kaki persegi. Syarikat itu kemudian dilantik sebagai pemaju projek berkenaan. Mengenai PKS, Perdana Menteri berkata, sepanjang 2008, 202 program dilaksanakan membabitkan dana RM3 bilion dan dimanfaatkan 598,000 pengusaha PKS, meningkat dua kali ganda berbanding 2007.

Bagi tahun ini, katanya, kerajaan menetapkan 174 program dengan nilai RM3.04 bilion untuk membangunkan PKS dengan pendekatan baru berasaskan tiga teras iaitu membangunkan infrastruktur, membina kapasiti dan memudahkan akses kepada dana dan pinjaman. "Dengan langkah ini, saya yakin PKS memainkan peranan lebih besar bukan saja dalam perkembangan negara malah proses transformasi daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi." Menurut Najib, tumpuan juga perlu diberi kepada inovasi, kreativiti dan perkhidmatan yang memerlukan kepakaran tenaga kerja yang lebih tinggi serta meningkatkan lagi penggunaan teknologi dan produktiviti. "Sebahagian daripada proses transformasi ini mestilah berkisar kepada peningkatan produktiviti dan proses perniagaan PKS," katanya.

5 November 2009 (Khamis)

Parlimen - Kerajaan rugi RM1.375 bilion

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Jumlah keseluruhan kerugian yang dialami kerajaan dalam proses pengambilalihan tanah seluas 404.4 hektar daripada Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) adalah RM1.375 bilion. Menurut laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), kerajaan sepatutnya hanya membayar RM442.13 juta, sebaliknya keseluruhan proses itu melibatkan kos sebanyak RM1.818 bilion. Laporan itu memberitahu, RM645.87 juta daripada jumlah kerugian itu adalah berikutan kegagalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) mematuhi arahan Kementerian Kewangan dalam hal pengambilalihan itu.

Selain kerugian RM645.87 juta itu, kerajaan turut menanggung kerugian tambahan sebanyak RM730 juta bagi menyelesaikan bayaran balik tanah secara tertunda dengan kadar faedah 7.5 peratus setahun. Kadar faedah yang dikenakan itu tidak mendapat kelulusan kerajaan dan pelaksanaannya dibuat sebelum proses perjanjian jual beli ditandatangani oleh Pengurus Besar LPK. "Penaan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus telah menyebabkan berlaku caj berganda terhadap kerajaan menyebabkan LPK perlu membayar kos pembelian tanah berjumlah RM1.088 bilion di samping faedah tambahan sebanyak RM730 juta. "Akhirnya jumlah keseluruhan tanah yang dibayar oleh kerajaan adalah sebanyak RM1.818 bilion," jelas laporan itu," kata laporan itu.

Laporan itu memberitahu, semasa penetapan harga tanah dilakukan pada kadar RM25 sekaki persegi, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) telah mengambil kira faedah sebanyak 7.5 peratus untuk bayaran balik tertunda selama 15 tahun. "Ini bermakna, kos tanah bagi setiap kaki persegi adalah RM41.76 iaitu 67 peratus lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan JPPH," kata laporan PAC itu. Laporan itu menyebut, tindakan Pengurus Besar LPK menandatangani perjanjian jual dan beli tanah termasuk membangunkan infrastruktur bernilai RM1.088 bilion menyalahi peraturan kewangan kerajaan kerana tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

LPK juga gagal mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan ketika merundingkan harga pembinaan infrastruktur tanah tersebut yang mencecah RM400 juta. "Sehubungan ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) wajar membuat siasatan bagi mengenal pasti pihak-pihak yang terlibat dengan pelanggaran keputusan kerajaan dan Kementerian Kewangan berhubung isu ini. "Ini bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka," tegas laporan tersebut.

5 November 2009 (Khamis)

Keputusan PAC buktikan ketelusan kerajaan tangani isu PKFZ

KUALA LUMPUR 5 Nov — Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat berpendapat hasil siasatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berhubung kelemahan dan kesalahan berkaitan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) membuktikan ketelusan kerajaan menangani isu berkenaan. "Ini bukan untuk saya perkatakan saya gembira atau tidak saya gembira melihat bahawa jika bercakap mengenai ketelusan, apabila kita bercakap mengenai akauntabiliti, inilah, kerajaan sedang lakukan, itu yang penting," katanya kepada pemberita selepas melawat Stesen LRT Bangsar di sini hari ini.

5 November 2009 (Khamis)

Parlimen - LPK tidak cukup dana biayai projek PKFZ

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Laporan Ketua Audit Negara bagi 2003 sehingga 2007 mendapati Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) tidak mempunyai dana yang cukup bagi menampung pembangunan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dalam laporannya berkata, keadaan itu telah menyebabkan LPK mengaitkan kerajaan bagi mendapatkan bon terbitan beberapa syarikat sekuriti untuk membiayai projek tersebut. Menurut laporan itu lagi, perbuatan LPK itu adalah tidak tepat dan mengelirukan kerana Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kewangan perlu terlebih dahulu meluluskannya.

PAC mendedahkan, kejayaan penerbitan bon-bon berkenaan juga disokong oleh pengeluaran empat surat sokongan oleh dua Menteri Pengangkutan. "Selain surat-surat sokongan itu, (bekas) Pengurus Besar LPK, Datin Paduka O.C. Phang telah mengeluarkan tiga surat akujanji kepada pemegang Sekuriti Hutang Persendirian (PDS) iaitu OSK Securities Bhd. "Surat-surat itu antaranya menjanjikan LPK akan memohon peruntukan daripada kerajaan untuk membiayai projek PKFZ," kata PAC dalam laporan mengenai PKFZ yang dikemukakan di Dewan Rakyat semalam.

Laporan jawatankuasa itu menerangkan, pengakuan LPK membolehkannya mendapat RM3.685 bilion dalam bentuk bon melalui empat siri PDS bagi pembiayaan projek PKFZ. PAC menegaskan, kesemua surat sokongan dan akujanji yang dikeluarkan tanpa kelulusan Kementerian Kewangan boleh disabitkan dengan kesalahan pecah amanah di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 409B kanun sama. Katanya, ini kerana surat-surat itu bersifat jaminan daripada kerajaan dan meletakkan tanggungan ke atas kerajaan. Laporan PAC seterusnya mengesyorkan agar Kementerian Kewangan segera menebus bon-bon terbabit bagi mengurangkan jumlah hutang akibat kadar faedah yang tinggi.

5 November 2009 (Khamis)

PKFZ: PAC syor siasat Kong Choy

JAWATANKUASA Kira-kira Wang Negara (PAC) dalam laporan yang dikeluarkan semalam mengesyorkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis menyiasat penglibatan bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy dan bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang, Datin Paduka O.C. Phang dalam mengeluarkan masing-masing tiga surat sokongan dan surat akujanji untuk projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang boleh disabitkan dengan kesalahan jenayah pecah amanah.

*PAC serahkan kepada kerajaan untuk menentukan bentuk tindakan terhadap semua pihak termasuk personaliti- personaliti besar yang didapati bersalah di dalam skandal itu - DATUK SERI AZMI KHALID, -Pengerusi PAC

*Setiap cadangan PAC berhubung isu penyelewengan projek akan diberi perhatian serius

-DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, -Perdana Menteri

*Jangan pertikaikan syor PAC supaya SPRM dan polis menyiasat beberapa individu yang dipercayai terbabit dalam skandal itu -TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN, -Timbalan Perdana Menteri

*SPRM akan jalankan siasatan dari semua sudut berhubung kes penyelewengan dan rasuah yang berlaku dalam PKFZ -DATUK ABU KASSIM MOHAMED, Timbalan Pesuruhjaya SPRM.

5 November 2009 (Khamis)

Kompleks LKIM kerugian RM2.6 JUTA akibat ribut

PASIR PUTEH 5 Nov — Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengalami kerugian lebih RM2.6 juta apabila kompleks perikanan yang dalam pembinaan di Tok Bali mengalami kerosakan teruk akibat dilanda ribut bulan lepas.

Pengarahnya Ab Llah Rashid berkata bangunan yang hampir siap dibina itu mengalami kerosakan pada bumbungnya apabila ia diterbangkan angin lebih 20 hingga 100 meter dari tempat asal selain kerosakan pada tiang-tiangnya. "Perkara itu sudah dimaklumkan kepada ibu pejabat LKIM dan tindakan susulan untuk membaikpulihnya sedang diambil," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini. — Bernama

6 November 2009 (Jumaat)

Kompleks LKIM merubah ekonomi nelayan Tok Bali



KOMPLEKS pendaratan ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan akan berperanan ke arah menjana pertumbuhan ekonomi dan mengubah wajah bandar baru nelayan di pesisir pantai apabila ia mula beroperasi awal tahun depan. Projek mega yang dibangun dan dirancang di bawah Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) itu akan menjadikannya sebuah bandar baru yang termoden di wilayah ini. Lengkap dengan pelbagai kemudahan terutama ruang pendaratan, kemudahan dermaga, pusat pemerosesan berasaskan ikan, pusat jualan, bekalan subsidi minyak diesel/petrol dan pejabat pentadbiran, kompleks berkenaan akan mengubah taraf hidup nelayan yang kini masih berada dalam belenggu kemiskinan.

Malah ia merupakan pemangkin dan pelengkap kepada proses pembangunan bandar baru itu yang kini membangun agak perlahan tidak seiring dengan pembangunan pesat di negeri jiran terutama Terengganu dan Pahang. Timbalan Ketua Pengarah LKIM, **Mohad Khazin Hamzah** berkata, pada mulanya kompleks itu akan beroperasi selepas menyambut Aidilfitri yang lepas tetapi terpaksa ditunda selewat-lewatnya awal tahun depan atas sebab masalah teknikal.

"Ini terutama masalah pendawaian elektrik yang belum selesai dilaksanakan oleh kontraktor," katanya ketika ditemui Pasir Puteh Kelantan, baru-baru di sini. Kompleks berharga lebih RM80 juta yang dibina mengandungi beberapa fasa itu terletak di kawasan strategik kira-kira satu kilometer dari Laut China Selatan dengan menyusuri Terusan Semerak, yang mula dibina sejak lima tahun lepas dengan membabitkan kawasan seluas lebih 40 hektar.

Mohad berkata, kompleks itu dijangka dilanggani lebih 1,000 orang sehari yang terdiri pemborong ikan dari seluruh negeri Kelantan dan sebahagian Terengganu untuk mendapatkan harga yang berpatutan selain ikan yang lebih segar. Beliau berkata, ia sangat berpotensi dan dapat mengatasi kompleks-kompleks LKIM di Kuantan dan Terengganu berasaskan kepada beberapa kelebihan terutama berupaya mendaratkan ikan dengan jumlah yang berskala besar. Terdapat antara 300 dan 400 buah bot laut dalam tidak termasuk bot nelayan pantai yang kini mendarat di merata tempat akan diwajibkan mendarat di situ sebaik ia beroperasi.

Mohad berkata, selain itu ia beroperasi di kawasan yang lebih menarik dengan membabitkan kawasan lebih 40 hektar berbanding 10 hektar di Kuantan. Beliau berkata, pihaknya juga menyediakan 15 tapak untuk menempatkan projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah ECER bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan. Kompleks berkenaan akan memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada nelayan miskin di mana penempatan mereka menerusi projek perumahan rakyat termiskin (PPRT) dengan kos RM27 juta dijangka siap dibina tidak lama lagi.

Selain itu pembangunannya akan lebih terserlah apabila jalan baru dari Alor Pasir ke kompleks itu sejauh 10 kilometer siap dibina pada tahun depan selepas beberapa kali pembinaannya tergendala disebabkan masalah kontraktor gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Jalan berkenaan yang berharga lebih RM60 juta yang merintang Sungai Semerak akan memberi kemudahan kepada penduduk di Jajahan Machang, Kuala Krai dan Tanah Merah termasuk Jeli apabila ia dapat memendekkan perjalanan hampir lima kilometer berbanding jalan sekarang dari Tebing Tinggi ke Tok Bali.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Nelayan Semerak, **Datuk Mohd. Jelani Jaafar** berharap kompleks berkenaan dapat dibuka segera dan tidak lagi ditangguhkan dengan pelbagai alasan. "Kami mahu kompleks dibuka segera, kami sudah lama bersabar, kami ingin menikmati pembangunan sebenar dan kami tidak mahu ia ditangguh-tangguhkan lagi," katanya. Beliau berkata kaum nelayan di situ yang turut disertai dari Besut, Bachok, Kota Baharu dan Tumpat selain Semerak kini terpaksa mendaratkan ikan-ikan mereka di jeti persendirian di merata-rata tempat dalam keadaan yang tidak selesa setiap hari kerana tiada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan sebagaimana di Terengganu dan Pahang.

Mohd Jelani, yang juga bekas anggota Dewan Undangan (DUN) Barisan Nasional (BN) Semerak, berkata, keperluan itu lebih mendesak setiap kali musim tengkujuh (dari November hingga Januari) kerana bot-bot mereka hanya boleh berlabuh di Tok Bali.

Tinjauan *Bernama* mendapati kebanyakan pengguna berkata keadaan bandar Tok Bali sekarang tidak seindah sebagaimana yang diuar-uarkan selain projek-projek pembangunan bergerak perlahan, harga ikan yang dipasarkan di merata-rata tempat tidak berbeza jika dibandingkan di tempat lain seperti di pasar Pasir Puteh dan Kota Bharu.

Seorang suri rumah **Nik Aishah Nik Hassan**, 48, dari Kampung Sungai Kelong, Pasir Puteh berkata, ini termasuk harga ikan kembung di Tok Bali dijual dengan harga RM9 sekilogram di Pasar Besar Pasir Puteh dan di sekitarnya termasuk di Seri Aman harganya tidak jauh berbeza manakala kualitinya pula hampir sama. "Bagi menjimatkan perbelanjaan lebih baik saya beli di pasar Pasir Puteh kerana saya tidak perlu mengisi minyak kereta bagi perjalanan membeli ikan di Tok Bali," katanya.

Pengurus Syarikat Perikanan Laut Dalam Jet-7 (M) Sdn Bhd, **Abdul Rahman Hamat** berkata, pihaknya tidak pernah menaikkan harga ikan malah harga yang dijual masih kekal seperti biasa terutama ikan kembung antara RM7 dan RM8 sekilo. Kenaikan itu mungkin diambil kesempatan oleh pihak orang tengah (pemborong) yang membeli sebaik sahaja ikan didaratkan dan menjualnya kepada pengguna di kawasan pendaratan itu bagi mendapatkan keuntungan segera. "Ini berpunca tiada yang mengawalinya daripada dimonopoli harga ikan yang berpatutan," katanya- *Bernama*

7 November 2009 (Sabtu)

Selangor cadang tarik balik pembekuan pembangunan lereng bukit

SHAH ALAM 7 Nov — Kerajaan Negeri Selangor bercadang menarik balik arahan pembekuan projek pembangunan baru di lereng bukit dengan kecerunan 25 darjah ke atas (cerun kelas 3 dan kelas 4) dengan penambahan beberapa syarat baru dalam Garis Panduan Pembangunan Bukit dan Tanah Tinggi. Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata arahan pembekuan terhadap 141 projek pembangunan yang dikuatkuasakan sejak 2007 itu akan terbatal apabila garis panduan yang dijadual siap tahun depan dikuatkuasakan. "Kita masih mengumpul semua maklumat dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan terutamanya pemaju dan profesional bagi memuktamadkan garis panduan ini," katanya dalam sidang media selepas merasmikan bengkel draf garis panduan itu di sini hari ini.

Beliau berkata jawatankuasa pemandu yang dianggotai pakar kejuruteraan akan ditubuhkan bagi mengkaji sebelum memberi kelulusan kepada permohonan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan cerun kelas tiga. Kelulusan hanya akan diberikan jika mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan itu, katanya. Abdul Khalid berkata antara syarat baru dalam garis panduan itu ialah pembinaan yang dijalankan mesti mengikut topografi dengan tidak terlalu mengubah struktur atau bentuk asal muka bumi yang boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh.

Pemaju juga diwajibkan memastikan sumber air semula jadi atau aliran air bawah tanah tidak dihalang bagi mengelak berlakunya mendapan dan tanah runtuh. Selain itu, setiap projek pembangunan juga hanya akan dibenarkan dibina atas tapak tanah yang dipotong, bukan tanah yang ditimbun yang boleh mendedahkan kepada insiden tanah jerlus atau mendap, katanya.

Pengarah Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa Selangor Mohd Jaafar Mohd Atan berkata jabatan itu memerlukan tempoh dua bulan untuk mengumpul semua maklumat sebelum membentangkan draf garis panduan itu kepada kerajaan negeri untuk diluluskan pada Februari tahun depan. Beliau berkata pembangunan di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan diberi tumpuan kerana mempunyai paling banyak projek pembangunan di kawasan tanah tinggi dan cerun.

7 November 2009 (Sabtu)

Selangor cadang tarik balik pembekuan pembangunan lereng bukit

SHAH ALAM 7 Nov — Kerajaan Negeri Selangor bercadang menarik balik arahan pembekuan projek pembangunan baru di lereng bukit dengan kecerunan 25 darjah ke atas (cerun kelas 3 dan kelas 4) dengan penambahan beberapa syarat baru dalam Garis Panduan Pembangunan Bukit dan Tanah Tinggi. Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata arahan pembekuan terhadap 141 projek pembangunan yang dikuatkuasakan sejak 2007 itu akan terbatal apabila garis panduan yang dijadual siap tahun depan dikuatkuasakan. "Kita masih mengumpul semua maklumat dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan terutamanya pemaju dan profesional bagi memuktamadkan garis panduan ini," katanya dalam sidang media selepas merasmikan bengkel draf garis panduan itu di sini hari ini.

Beliau berkata jawatankuasa pemandu yang dianggotai pakar kejuruteraan akan ditubuhkan bagi mengkaji sebelum memberi kelulusan kepada permohonan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan cerun kelas tiga. Kelulusan hanya akan diberikan jika mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan itu, katanya.

Abdul Khalid berkata antara syarat baru dalam garis panduan itu ialah pembinaan yang dijalankan mesti mengikut topografi dengan tidak terlalu mengubah struktur atau bentuk asal muka bumi yang boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh. Pemaju juga diwajibkan memastikan sumber air semula jadi atau aliran air bawah tanah tidak dihalang bagi mengelak berlakunya mendapan dan tanah runtuh. Selain itu, setiap projek pembangunan juga hanya akan dibenarkan dibina atas tapak tanah yang dipotong, bukan tanah yang ditimbun yang boleh mendedahkan kepada insiden tanah jerlus atau mendap, katanya.

Pengarah Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa Selangor Mohd Jaafar Mohd Atan berkata jabatan itu memerlukan tempoh dua bulan untuk mengumpul semua maklumat sebelum membentangkan draf garis panduan itu kepada kerajaan negeri untuk diluluskan pada Februari tahun depan. Beliau berkata pembangunan di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan diberi tumpuan kerana mempunyai paling banyak projek pembangunan di kawasan tanah tinggi dan cerun.

8 November 2009 (Ahad)

RM3b tidak dituntut waris

KOTA BHARU 8 Nov. - Sebanyak RM3 bilion milik penyimpan di pelbagai institusi kewangan atau tabungan tidak dituntut kerana kegagalan mereka menamakan pewaris sebelum meninggal dunia. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin memberitahu, simpanan yang tidak dituntut daripada Jabatan Akauntan Negara itu termasuk melalui akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selain akaun pendeposit dalam bank. Katanya, simpanan yang dibuat tidak diketahui oleh ahli keluarga terdekat terutama anak-anak, malah terdapat juga kes pewaris tidak dimaklumkan mengenai hak yang mereka boleh tuntutan harta peninggalan itu.

"Ini kerana mereka gagal dikesan atau terputus hubungan dengan pemilik. Wang yang tidak dituntut masih banyak di seluruh negara dan tersimpan dalam Jabatan Akauntan Negara. "Sebahagian lagi tidak menyangka ibu bapa meninggalkan wang mungkin melalui KWSP atau simpanan di bank dan selepas mendapat tahu gagal pula mendapatkan maklumat bagaimana mahu menuntutnya menyebabkan wang tersebut tersimpan begitu sahaja," katanya selepas menghadiri majlis taklimat Jabatan Agensi Kementerian Kewangan yang beroperasi di peringkat negeri di sini hari ini.

10 November 2009 (Selasa)

Johor urus hutan secara berhemah

JOHOR BAHRU 10 Nov. - Kerajaan Johor sentiasa mengurus kawasan hutannya secara berhemah bagi memastikan kelangsungan sumber hutan negeri ini terus terpelihara dengan baik. Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, antara langkah mengurus itu adalah mengenakan peraturan ketat iaitu setahun hanya kawasan hutan seluas 2,500 hektar dibenarkan ditebang dan ia dilakukan menerusi tender terbuka. "Kita tidak pernah membenarkan kawasan hutan ditebang melebihi 2,500 hektar setahun. Itu yang kita amalkan selama ini. "Melalui tender terbuka ini, Jabatan Hutan terlebih dahulu mengenal pasti kawasan yang hendak ditebang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian pelaksanaan sistem e-PBT antara kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan MSC Cyberport Sdn. Bhd. di sini hari ini. Abdul Ghani mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2008 baru-baru ini yang mendakwa Johor antara negeri yang tidak menjalankan pengurusan hutan dengan baik. Menurut beliau, kawasan yang ditebang itu pula sebahagiannya ditanam semula manakala sebahagian lagi pokok hutannya tumbuh sendiri mengikut kepada kawasan terbabit. Dengan ini, kata beliau, kawasan hutan di negeri Johor akan terus terpelihara untuk tempoh 20 atau 30 tahun lagi. "Satu perkara yang nyata kita tidak membawa kuota ke hadapan jika ia tidak dilaksanakan sepenuhnya pada penghujung tahun. "Sebagai contoh, jika hanya 2,000 kawasan hutan ditebang pada tahun ini, kita tidak membawa lebih 900 kawasan hutan untuk tahun akan datang. Ia akan bermula dengan angka kosong semula," jelasnya.

Menurut Abdul Ghani lagi, berdasarkan sistem kuota itu, pihaknya mendapati tiada sebarang pencerobohan atau aktiviti pembalakan haram dilakukan di Johor. Kalau adapun, tegas beliau, ia berlaku berpuluh tahun dahulu dan kebanyakan kawasan hutan itu kini menjadi perkampungan dan kebun. "Penerokaan kawasan hutan suatu ketika dahulu juga dibuat untuk membuka tanah rancangan seperti Felda, Felcra dan sebagainya. Ia untuk manfaat rakyat bagi membasmi kemiskinan," katanya.

10 November 2009 (Selasa)

Johor sentiasa patuh kuota penebangan hutan - MB

JOHOR BAHRU 10 Nov. — Kerajaan negeri Johor sentiasa mematuhi kuota penebangan hutan dalam memastikan sebarang penebangan hutan dalam negeri tidak berlaku sewenang-wenangnya, kata Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman. Beliau berkata, penebangan hutan di Johor dilakukan menerusi tender terbuka mengikut kuota yang ditetapkan iaitu 2,500 hektar setahun.

"Ia dilakukan menerusi tender terbuka yang mengikut kawasan demi kawasan, di mana selepas Jabatan Perhutanan mengenal pasti kawasan terbabit, baru tawaran dibuat dan amalan ini dilakukan sejak 20 tahun lepas," katanya semasa mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2008 mengenai pengurusan hutan di Kelantan, Pahang, Johor dan Sarawak yang dikatakan kurang memuaskan. - Bernama